

Naib Canselor Usim dianugerah Ijazah Kehormat Doctor of Science

NAIB Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Datuk Dr Asma Ismail, mencipta sejarah dalam bidang pendidikan tinggi negara apabila menjadi ahli akademik pertama dari Malaysia dianugerahkan Ijazah Kehormat Doctor of Science (DSc) dari Universiti of Glasgow, Scotland.

Pengiktirafan tertinggi daripada universiti ini disampaikan sendiri oleh Canselor University of Glasgow, Profesor Sir Kenneth Calman sempena Commemoration Day, universiti itu, baru-baru ini.

Bersama beliau menerima anugerah yang sama ialah Presiden Yayasan Kesihatan Awam, India, Prof Srinath Reddy dan Pengarah Wellcome Trust, UK, Prof Mark Walport.

Prof Asma menerima anugerah ini atas pencapaian cemerlangnya sebagai seorang saintis dan sumbangan beliau kepada masyarakat melalui kepakaran yang dimiliki dalam bidang mikrobiologi dan bioteknologi perubatan.

Anak kelahiran Jitra, Kedah ini adalah lulusan dengan kepujian Biologi, Universiti Nevada, Ijazah Sarjana dalam bidang Mikrobiologi, Universiti Indiana dan memperoleh PhD di Universiti Nevada dalam bidang Biologi Selular dan Molekul pada 1986.

Beliau juga diberi kepercayaan untuk menganggotai pelbagai pertubuhan di peringkat nasional dan dunia, antaranya sebagai Penasihat di WHO untuk vaksin dan penyakit berjangkit sejak 2002, ahli Third World Academy of Sciences (TWAS), dan memecah tradisi sebagai wanita pertama dilantik ke jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di USM (2008-2012), Timbalan Presiden di Akademi Sains Negara (2012-2014) dan Naib Canselor di Usim (2012-2015).



Prof Asma, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doctor of Science (DSc) dari Universiti of Glasgow, Scotland.